



GARIS PANDUAN DANA PEMACU TEKNOLOGI STRATEGIK 2.0 (PEMACU 2.0)

**Bahagian Dana
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Aras 4, Blok C4, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62662 Putrajaya**

**Tel. Skim TED: 603 - 8885 8309/8320/8704/8314
Tel. Skim SRF: 603 - 8885 8315/8324/8322/8703/8387**

**E-mel Skim SRF: urusetia.srf1@mosti.gov.my
E-mel Skim TED: urusetia.ted1@mosti.gov.my**

(Kemas kini: 6 Februari 2026)

KANDUNGAN

1.	Pengenalan	9
2.	Objektif	10
3.	Bidang Keutamaan	10
4.	Kategori Pemohon.....	11
5.	Kriteria Kelayakan.....	12
6.	Proses Permohonan	14
7.	Penyediaan Kontrak.....	18
8.	Siling dan Tempoh Pembiayaan	18
9.	Kaedah dan Proses Pembayaran.....	19
10.	Hasil Penyelidikan.....	21
11.	Skop Pembiayaan.....	22
12.	Pemantauan Projek.....	28
13.	Hak Mosti Selepas Projek Tamat	30
14.	Pemilikan dan Penggunaan Peralatan R&D	31
15.	Harta Intelek (IP).....	32
16.	Insentif Paten.....	32
17.	Penamatan	33
18.	Penyata Perbelanjaan dan Dana yang Tidak Dibelanjakan	34
19.	<i>MALYSIAN CODE OF RESPONSIBLE CONDUCT IN RESEARCH</i>	34
20.	Kelulusan Etika, Pemacluman dan Pematuhan kepada Peraturan - Peraturan yang Berkaitan.....	34
21.	Pembiayaan Lain oleh Agensi Pembiaya Mosti	35

A. GLOSARI

Akronim	Definisi
EOP	End of Project Report
ESG	Environmental, Social and Governance
GRA	Pembantu Penyelidik Siswazah
GRI	<i>Government Research Institutes</i>
IP	Harta Intelekt
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
JPD	Jawatankuasa Penilaian Dana
JKD	Jawatankuasa Kelulusan Dana
LoA	Letter of Acceptance
MCRCR	Malaysian Code of Responsible Conduct in Research
MOSTI	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
MVP	Minimum Viable Product
MySTIE	Malaysian Science, Technology, Innovation and Economy
PCT	Perjanjian Kerjasama Paten
PKS	Perusahaan Kecil dan Sederhana
POC	Pembuktian Konsep (Proof of Concept)
RMC	Pusat Pengurusan Penyelidikan
RO	Pegawai Penyelidik (Research Officer)

SDB	Sistem Dana Bersepadu
SRF	<i>Strategic Research Fund</i>
SRF-RFP	<i>Strategic Research Fund - Request for Proposal</i>
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
TeD	<i>Technology Development Fund</i>
TRL	Tahap Kesediaan Teknologi (Technology Readiness Level)

B. TAKRIF

Pemohon	Merujuk kepada organisasi atau individu yang mengemukakan permohonan dana dan berada dalam fasa penilaian sebelum kelulusan diberikan. Kategori ini merangkumi Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), Syarikat Pemula (<i>Start-up</i>), Institusi Pengajian Tinggi (IPT), dan Institut Penyelidikan Kerajaan (GRI) yang memenuhi syarat kelayakan.
Entiti	Merujuk kepada pemohon yang diluluskan pembiayaan dan telah menerima kelulusan rasmi, menandatangani dokumen perjanjian (kontrak), dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pelaksanaan serta pengurusan projek R&D sebagaimana terma yang telah dimeterai.
Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)	Syarikat yang memenuhi kriteria saiz operasi berdasarkan jualan tahunan atau bilangan pekerja sepenuh masa mengikut kategori Pembuatan atau Perkhidmatan sebagaimana yang ditetapkan oleh SME Corporation Malaysia.
Syarikat Pemula (<i>Start-up</i>)	Perniagaan berasaskan teknologi atau inovasi pada peringkat awal yang mempunyai model perniagaan boleh skala (<i>scalable</i>) dan strategi pertumbuhan tinggi.

Institusi Pengajian Tinggi (IPT)	Merangkumi universiti atau kolej universiti awam (IPTA) dan swasta (IPTS) yang berdaftar di bawah akta berkaitan di Malaysia.
Institut Penyelidikan Kerajaan (<i>Government Research Institute - GRI</i>)	Institusi penyelidikan yang dimiliki, dikawal dan dibiayai terutamanya oleh kerajaan dan diklasifikasikan di bawah sektor kerajaan, dengan peranan menjalankan aktiviti R&D sebagai kepentingan awam dan bukan berorientasikan komersial.
Ketua Projek	Individu yang bekerja secara sah dengan Entiti dan dinamakan dalam permohonan serta diluluskan secara bertulis oleh Kerajaan. Individu yang mengetuai pasukan penyelidikan, bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pengurusan teknikal serta kewangan projek.
Kolaborator	Individu atau organisasi yang bekerjasama secara rasmi dengan pemohon/Entiti melalui perjanjian, dianggap sebahagian daripada pasukan projek.
Perunding	Individu atau organisasi pakar yang dilantik oleh pemohon/Entiti untuk melaksanakan aktiviti atau khidmat teknikal tertentu bagi menyokong pelaksanaan projek secara berbayar.
Pembantu Penyelidik Siswazah (<i>Graduate Research Assistant - GRA</i>)	Pelajar pascasiswazah yang dilantik secara khusus untuk membantu aktiviti penyelidikan projek dan dibayar melalui elaun yang ditetapkan.
Pegawai Penyelidik (<i>Research Officer - RO</i>)	Individu yang dilantik bagi membantu aktiviti penyelidikan dan hendaklah memiliki kelayakan akademik yang bersesuaian dengan projek R&D serta bukan merupakan pekerja tetap di organisasi pemohon.
Tahap Kesediaan Teknologi (<i>Technology Readiness Level - TRL</i>)	Skala pengukuran (TRL 1 hingga TRL 9) yang digunakan untuk menilai tahap kematangan sesuatu teknologi sebelum ia digunakan secara komersial atau operasi. Perincian TRL adalah seperti Lampiran 1.

Pembuktian Konsep (<i>Proof of Concept – POC</i>)	Dokumentasi atau bukti visual yang mengesahkan bahawa konsep, teori, atau idea yang dicadangkan adalah praktikal dan boleh berfungsi secara teknikal.
Prototaip Berfungsi (<i>Working Prototype</i>)	Model awal atau sampel produk yang telah melepasi fasa konsep dan mampu menunjukkan fungsi utama teknologi dalam persekitaran makmal atau sebenar.
Produk Berdaya Maju Minimum (<i>Minimum Viable Product</i>) (MVP)	Merujuk kepada versi awal sesuatu produk yang merangkumi ciri-ciri teras minimum bagi memenuhi keperluan pengguna awal, serta berfungsi sebagai mekanisme untuk mengesahkan kebolehlaksanaan idea melalui pengujian hipotesis dan pengumpulan maklum balas pasaran sebelum pelaburan berskala besar dibuat.
Geran Padanan (<i>Matching Grant</i>)	Kaedah pembiayaan di mana pemohon diwajibkan menyumbang sebahagian daripada kos projek (dalam bentuk tunai) manakala baki kos selebihnya dibiayai oleh MOSTI.
Sumbangan Tunai	Dana dalam bentuk wang ringgit yang dikeluarkan oleh pemohon sebagai sebahagian daripada komitmen pembiayaan padanan projek.
Carta Perbatuan (<i>Milestone</i>)	Peringkat atau tahap pencapaian utama yang ditetapkan dalam jadual pelaksanaan projek sebagai syarat untuk membolehkan penyaluran bayaran dana dibuat.
Tarikh Penyempurnaan Projek	Tarikh perakuan dan pengesahan secara bertulis melalui surat penyempurnaan Projek oleh Kerajaan kepada Entiti bahawa Projek telah siap sempurna dilaksanakan.
Tarikh Tamat Projek	Tarikh siap carta perbatuan (<i>milestone</i>) terakhir bagi projek.
Pengkomersialan	Aktiviti penjanaan pendapatan atau penjimatan secara langsung atau tidak langsung melalui idea, penyelidikan, reka cipta, kreativiti dan inovasi yang dihasilkan dalam bentuk produk, perkhidmatan, teknologi, proses dan/atau sistem

	organisasi yang dipasarkan melalui kaedah-kaedah pengkomersialan seperti penjualan, pelesenan, penyerahan hak, pengembangan (<i>spin-off</i>), pengilangan, pembungkusan, usaha sama, francais dan lain-lain.
Semakan Pentadbiran (<i>Administrative Vetting</i>)	Proses semakan borang permohonan dan dokumen sokongan sebagaimana ditetapkan dalam garis panduan.
Sistem Dana Bersepadu (SDB)	Sistem yang digunakan untuk membantu proses pengurusan dana R&D MOSTI yang melibatkan permohonan, semakan dokumen, penilaian oleh panel pakar, pemakluman keputusan kepada pemohon serta pemantauan projek.
Jawatankuasa Kelulusan Dana (JKD)	Jawatankuasa tertinggi pada peringkat MOSTI yang menimbang kelulusan pembiayaan dana R&D untuk projek baharu dan memutuskan tindakan ke atas hal-hal lain berkaitan dana, penyelidikan dan pengurusan R&D MOSTI.
Jawatankuasa Penilaian Dana (JPD)	Jawatankuasa yang dianggotai oleh Panel Pakar bagi membincangkan, memberi nasihat dan pandangan kepada MOSTI agar proses penilaian permohonan dan pemantauan projek adalah bertepatan, telus, berkualiti dan berkesan.
Jawatankuasa Pemantauan Peringkat Pengurusan (JPPP)	Jawatankuasa bagi membincangkan hal ehwal pengurusan projek berskala besar dan memantau pelaksanaan aktiviti projek R&D&C&I Dana MOSTI bernilai RM 1 juta dan ke atas.
Jawatankuasa Pemantauan Dan Penilaian Dana (JPPD)	Jawatankuasa bagi membincangkan hal ehwal pengurusan projek dan memantau pelaksanaan aktiviti projek R&D&C&I Dana MOSTI yang bernilai kurang daripada RM1 juta.
Panel Pakar	Individu yang dilantik oleh Kerajaan yang dikenal pasti mempunyai kepakaran dan pengalaman dan boleh memberi nasihat dari aspek teknikal, komersial dan/atau kewangan bagi membantu penilaian dan pemantauan pelaksanaan Projek.

Notis Tuntutan Baki	Notis yang dikemukakan oleh Kerajaan kepada Entiti untuk menuntut semula baki peruntukan Dana yang tidak dibelanjakan.
Notis Penamatan	Notis penamatan yang dikeluarkan oleh Kerajaan kepada Entiti bagi menunjukkan niat bahawa Perjanjian ini akan ditamatkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh Kerajaan.

1. PENGENALAN

- 1.1 Program Dana Pemacu Teknologi Strategik (PEMACU) 2.0 adalah dana pembiayaan penyelidikan dan pembangunan (R&D) berbentuk geran yang bersifat fokus dan strategik, selaras dengan hala tuju nasional dan keutamaan Kementerian.
- 1.2 Dana ini bertujuan untuk membiayai hasil penyelidikan yang mempunyai matlamat yang jelas serta menyumbang secara langsung kepada pencapaian misi khusus yang telah ditetapkan.
- 1.3 Projek R&D yang dibiayai dijangka menghasilkan impak berterusan kepada industri dan masyarakat melalui penumpuan serta pengoptimuman sumber bagi mencapai hasil yang disasarkan.
- 1.4 Dana PEMACU 2.0 ini ditawarkan melalui dua (2) skim seperti berikut:

1.4.1 ***Technology Development Fund (TeD)***

Skim TeD secara *bottom-up* adalah berasaskan idea dan cadangan penyelidikan dan inovasi daripada pemohon. Skim ini memberi fokus kepada pembangunan teknologi yang telah mempunyai asas teknikal yang kukuh serta potensi pengkomersialan yang jelas. Pendekatan ini akan mempercepat peralihan projek daripada peringkat penyelidikan asas kepada pengkomersialan.

1.4.2 ***Strategic Research Fund (SRF)***

Skim SRF secara *top-down* berasaskan keutamaan strategik seperti berikut:

i. ***Strategic Research Fund***

Pendekatan *top-down* yang membiayai penyelidikan strategik untuk menghasilkan penyelesaian terhadap cabaran dan isu-isu strategik semasa negara berasaskan idea dan cadangan inovasi daripada pemohon. Skim ini membiayai penyelidikan strategik dan inisiatif berimpak tinggi yang selari dengan agenda strategik MOSTI, dengan penekanan kepada penyelidikan yang terarah, berskala nasional dan berpotensi menghasilkan impak sistemik kepada negara.

ii. *Strategic Research Fund - Request for Proposal (SRF-RFP)*

Pendekatan *top-down* yang membiayai penyelidikan strategik berasaskan tema dan bidang keutamaan nasional melalui kaedah *Request for Proposal* (RFP) bagi memperoleh penyelesaian khusus terhadap permasalahan atau objektif yang telah ditetapkan. Fokus penyelidikan adalah terarah kepada keperluan spesifik, skop yang jelas serta hasil yang disasarkan oleh MOSTI.

2. OBJEKTIF

- 2.1 Menyediakan dana bagi membiayai projek-projek R&D yang menyokong pelaksanaan dasar, pelan hala tuju, pelan tindakan atau inisiatif Kerajaan.
- 2.2 Menyelesaikan masalah dalam bentuk teknologi, produk atau proses baharu yang berinovatif dijangka akan menghasilkan impak yang besar kepada sosioekonomi negara selari dengan dasar STI sedia ada dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13).
- 2.3 Mematangkan konsep reka bentuk teknologi, proses, atau produk sedia ada ke arah pengkomersialan bagi merapatkan jurang kegagalan pembangunan teknologi (*valley of death*). Penentuan kematangan teknologi diukur menggunakan skala Tahap Kesediaan Teknologi (*Technology Readiness Level - TRL*) seperti di **Lampiran 1**.
- 2.4 Memperkasakan ekosistem R&D melalui kolaborasi strategik antara Institut Penyelidikan Kerajaan (GRI), Institut Pengajian Tinggi (IPT), dan pihak industri.

3. BIDANG KEUTAMAAN

- 3.1 Bidang keutamaan bagi setiap skim adalah seperti berikut:

- 3.1.1 ***Technology Development Fund (TeD)***

Berdasarkan Rangka Kerja 10-10 Malaysian Science, Technology, Innovation and Economy (MySTIE) seperti di **Lampiran 2**.

3.1.2 **Strategic Research Fund (SRF)**

i. SRF

Berasaskan **lima (5) bidang keutamaan atau tema strategik** yang telah dikenal pasti oleh MOSTI dan ditetapkan **bagi setiap kitaran tawaran pembiayaan**, iaitu:

- a. Nuklear
- b. Bioteknologi
- c. Angkasa
- d. Hidrogen
- e. Bahan Termaju

ii. SRF - *Request For Proposal* (SRF-RFP)

Berasaskan **lima (5) bidang keutamaan**, namun pelaksanaannya adalah **tertakluk kepada skop, fokus dan keperluan khusus** seperti yang ditetapkan dalam **dokumen *Request for Proposal* (RFP)** yang telah dikenal pasti oleh MOSTI bagi setiap bidang, iaitu:

- a. Nuklear
- b. Bioteknologi
- c. Angkasa
- d. Hidrogen
- e. Bahan Termaju

4. KATEGORI PEMOHON

4.1 Permohonan ini dibuka kepada pemohon seperti berikut :

4.1.1 Institut Penyelidikan Kerajaan (GRI)

4.1.2 Institusi Pengajian Tinggi (IPT)

4.1.3 Industri

Terbuka kepada syarikat dan perniagaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) manakala Perniagaan di Sabah dan Sarawak perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan.

- i. Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)
- ii. Syarikat Pemula (Start-up) dengan syarat kelayakan minimum:
 - a. Berdaftar dengan SSM;
 - b. Pemilikan majoriti warganegara Malaysia (>50%);
 - c. Modal berbayar minimum RM10,000;
 - d. Perniagaan berasaskan teknologi/inovasi; dan
 - e. Telah beroperasi sekurang-kurangnya satu (1) tahun dan tempoh operasi tidak melebihi lima (5) tahun.

5. KRITERIA KELAYAKAN

5.1 Keperluan Projek dan Tahap Teknologi

- 5.1.1 Projek mestilah mengandungi elemen **pembangunan eksperimental (*experimental development*)** yang menghala kepada pengkomersialan.
- 5.1.2 Projek yang dicadangkan hendaklah mencapai sekurang-kurangnya **TRL 4**, yang mempunyai pembuktian konsep (POC) atau prototaip berfungsi.

5.2 Kolaborasi

- 5.2.1 IPT dan GRI **diwajibkan** berkolaborasi dengan PKS atau Syarikat Pemula. Surat Persetujuan (*Letter of Acceptance -LoA*) perlu disertakan sebagai pembuktian.
- 5.2.2 PKS dan Syarikat Pemula **digalakkan** berkolaborasi dengan IPT atau GRI.

5.3 Ketua Projek dan Ahli Projek

- 5.3.1 Syarat bagi Ketua Projek adalah seperti berikut:
 - i. Warganegara Malaysia;
 - ii. Bukan warganegara dibenarkan memohon dengan syarat mempunyai permit kerja yang sah sepanjang tempoh projek;

- iii. Hendaklah daripada organisasi yang memohon;
- iv. Hanya dibenarkan mengetuai satu (1) projek pada satu masa;
- v. Tidak layak memohon projek baharu sehingga projek sedia ada ditutup secara rasmi; dan
- vi. Ketua Projek berstatus kontrak perlu memastikan kontrak perkhidmatan masih berkuat kuasa sepanjang tempoh projek.

5.3.2 Ketua Projek warganegara Malaysia boleh melibatkan ahli projek antarabangsa atau ekspatriat daripada organisasi yang sama. Bagi Ketua Projek bukan warganegara Malaysia, ahli projek mestilah terdiri daripada warganegara Malaysia daripada organisasi yang sama.

5.3.3 Syarat bagi Ahli Projek adalah seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Bukan warganegara dibenarkan memohon dengan syarat permit kerja sah sepanjang tempoh projek;
- iii. Setiap Ahli Projek hendaklah mempunyai kepakaran teknikal yang relevan dan mengemukakan *Curriculum Vitae* (CV) lengkap; dan
- iv. Jika melibatkan organisasi berlainan, surat kebenaran ketua jabatan hendaklah dikemukakan.

5.3.4 Ketua Projek dan Ahli Projek termasuk syarikat tidak pernah disabitkan atas kes tatatertib, penipuan, muflis, dalam pembubaran, dalam tindakan mahkamah atau di bawah penerimaan (*receivership*).

5.3.5 Jika terdapat sebarang pertukaran Ketua Projek, pengganti perlulah daripada Ahli Projek sedia ada. Pemakluman tentang pertukaran Ketua Projek hendaklah dibuat dalam tempoh masa 14 hari.

5.4 Pengisytiharan Dana dan Pertindihan Projek

- 5.4.1 Pemohon hendaklah memaklumkan sekiranya projek telah menerima dana daripada pihak lain.
- 5.4.2 Pemohon perlu mengisytiharkan sebarang penerimaan dana MOSTI terdahulu dalam borang permohonan.

5.5 Projek Tidak Layak Dibiayai

Permohonan tidak layak dan terbatal sekiranya melibatkan:

- 5.5.1 Pertindihan skop projek dengan dana/projek yang telah diluluskan terdahulu.
- 5.5.2 Permohonan projek, perolehan teknologi dan IP (dalam dan luar negara) tanpa elemen R&D atau inovasi teknologi yang signifikan.
- 5.5.3 Pemohon, syarikat atau Ahli Projek yang telah disenarai hitam oleh mana-mana organisasi pembiayaan.
- 5.5.4 Projek keselamatan dan pertahanan (Polis/Tentera). Walau bagaimanapun, projek ini boleh dipertimbangkan sekiranya output projek yang dicadangkan mempunyai ciri kegunaan dwi-fungsi (keselamatan dan awam) dan dilaksanakan secara kolaborasi dengan IPT atau GRI.

6. PROSES PERMOHONAN

- 6.1 Kaedah permohonan melibatkan tiga (3) peringkat utama seperti ditunjukkan di **Rajah 1**:

Rajah 1: Peringkat proses permohonan



6.2 Peringkat 1: Permohonan

- 6.2.1 Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan projek melalui **Sistem Dana Bersepadu (SDB)** di <https://sdb.mosti.gov.my> dengan melengkapkan borang permohonan serta memuat naik

semua dokumen sokongan yang ditetapkan seperti **Lampiran 3**, dalam tempoh masa yang ditentukan.

6.2.2 Pemohon **diwajibkan** untuk menyatakan dan mengemukakan bukti bagi perkara berikut dalam borang permohonan:

- i. **Pembuktian Konsep (*Proof of Concept - POC*) atau Prototaip Berfungsi (*Working Prototype - WP*):** Dokumentasi atau bukti visual prototaip yang berfungsi bagi mengesahkan bahawa konsep, teori, atau idea yang dicadangkan adalah praktikal dan boleh diguna pakai.
- ii. Model Perniagaan
- iii. Pemohon hendaklah mengenal pasti sama ada permohonan projek mempunyai elemen ESG secara langsung (*directly*) atau secara tidak langsung (*indirectly*).
- iv. Perincian kos projek
- v. Pemohon wajib mengemukakan bukti ***prior art search*** (contoh: [Lens.org](https://lens.org)) bagi menilai kebaharuan (*novelty*) dan potensi komersial teknologi.

6.2.3 Semua permohonan hendaklah disemak dan disahkan oleh pihak berautoriti di organisasi pemohon seperti Ketua Jabatan atau Pusat Pengurusan Penyelidikan. Pemohon hendaklah mengisytiharkan bahawa permohonan projek yang dikemukakan tidak pernah dibiayai oleh mana-mana pihak pembiaya.

6.2.4 Semua permohonan yang diterima akan melalui **Semakan Pentadbiran (*Administrative Vetting - AV*)** oleh Urus Setia MOSTI bagi memastikan permohonan adalah lengkap.

6.2.5 Permohonan yang **tidak memenuhi kriteria kelayakan** akan ditolak pada peringkat Semakan Pentadbiran tanpa melalui penilaian seterusnya.

6.2.6 Permohonan yang **tidak lengkap** akan dikembalikan kepada pemohon untuk tujuan pengemaskinian. Proses semakan hanya dibenarkan **maksimum dua (2) kali**. Pemohon yang masih gagal melengkapkan permohonan akan **ditolak di peringkat Semakan Pentadbiran**. Pemakluman status akhir Semakan Pentadbiran

akan dibuat selepas tarikh tutup permohonan. Pemohon boleh memohon semula bagi kitaran berikutnya.

6.2.7 Bagi permohonan yang memenuhi kelayakan asas, Pemohon hendaklah mengemukakan perkara-perkara berikut:

- i. Video berkenaan pembuktian pembangunan POC/ prototaip berdurasi maksimum 3 minit; dan
- ii. Slaid pembentangan (maksimum 7 slaid).

6.2.8 Bagi permohonan secara SRF-RFP:

- i. Pemohon hendaklah melengkapkan permohonan di dalam portal SDB dengan merujuk kepada dokumen RFP dan garis panduan permohonan serta skop pembiayaan yang telah ditetapkan.
- ii. Permohonan adalah berdasarkan projek-projek atau bidang keperluan yang telah dikenalpasti oleh MOSTI berdasarkan *Request for Interest* (RFI).

6.3 **Peringkat 2: Penilaian**

6.3.1 Permohonan yang lengkap akan diteliti oleh Jawatankuasa Penilaian Dana (JPD) berdasarkan kriteria seperti **Lampiran 4**.

6.3.2 **Penilaian permohonan adalah seperti berikut:**

- i. Semua dokumen permohonan projek akan melalui proses semakan dan penilaian awal akan dilaksanakan oleh panel pakar yang dilantik oleh MOSTI bagi menilai kesesuaian cadangan projek berdasarkan kriteria yang ditetapkan.
- ii. Panel berhak untuk mengemukakan permohonan maklumat tambahan, penjelasan atau pembetulan kepada pihak pemohon bagi tujuan penilaian lanjut. Pemohon hendaklah mengemukakan maklumat yang dimohon dalam tempoh yang ditetapkan.
- iii. Pemohon akan dijemput untuk membuat pembentangan cadangan projek kepada Jawatankuasa Penilaian Dana (JPD) merangkumi aspek teknikal dan komersial.

Pembentangan tersebut akan dilaksanakan dalam satu (1) sesi yang sama.

- iv. Permohonan yang melepasi markah penilaian minimum di peringkat JPD akan dibawa ke peringkat Jawatankuasa Kelulusan Dana (JKD) untuk pertimbangan dan kelulusan. Manakala permohonan yang tidak melepasi markah minimum yang ditetapkan atau tidak mendapat sokongan JPD akan ditolak pada peringkat JPD.

6.3.3 Penilaian Berasaskan Elemen ESG:

Bagi memastikan projek yang dibiayai sejajar dengan agenda kelestarian negara, permohonan juga akan dinilai mengikut tahap sumbangan terhadap elemen Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus (*Environmental, Social, and Governance* - ESG), melalui penilaian dalam dua (2) kategori berikut:

- i. Penilaian bagi projek yang mempunyai elemen ESG secara langsung (*directly*) yang mana permohonan projek R&D menyumbang kepada pemeliharaan alam sekitar, memberi impak tinggi kepada sosial dan memiliki tadbir urus projek yang baik.
- ii. Penilaian bagi projek yang mempunyai elemen ESG secara tidak langsung (*indirectly*) yang mana permohonan projek R&D tiada kaitan atau hanya sedikit elemen ESG.

6.4 Peringkat 3: Pemakluman Keputusan

- 6.4.1 Keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada pemohon melalui SDB.
- 6.4.2 Pemohon yang berjaya perlu mengemukakan maklum balas penerimaan atau penolakan tawaran dana melalui Surat Setuju Terima dalam tempoh yang ditetapkan.
- 6.4.3 Keputusan jawatankuasa pada peringkat MOSTI adalah **MUKTAMAD**.

- 6.4.4 Permohonan projek yang telah ditolak pada peringkat penilaian hanya boleh memohon semula dalam tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh pemakluman keputusan.

7. PENYEDIAAN KONTRAK

- 7.1 Pemohon yang berjaya perlu mengemukakan dokumen berikut selepas menerima surat tawaran daripada MOSTI.
- 7.1.1 Surat Penerimaan Tawaran;
 - 7.1.2 Salinan maklumat bank khas (Entiti dikehendaki mewujudkan akaun bank khas bagi tujuan pelaksanaan projek);
 - 7.1.3 Salinan pendaftaran e-vendor bagi akaun bank khas (Entiti yang berkaitan);
 - 7.1.4 Perincian carta perbatuan (*milestone*) dengan peruntukan yang diluluskan; dan
 - 7.1.5 Dokumen Perjanjian Kontrak atau memadai dengan Surat Setuju Terima (LoA) kerjasama atau setara antara pihak entiti dan kolaborator (jika berkaitan).
- 7.2 Pemohon akan dijemput ke sesi perbincangan perincian carta perbatuan (*milestone*) berdasarkan peruntukan yang telah diluluskan oleh MOSTI.
- 7.3 Pegawai yang diberi kuasa daripada syarikat atau institusi pemohon sahaja berhak menandatangani Perjanjian Dana.
- 7.4 Perjanjian Dana akan ditandatangani oleh pengurusan atasan MOSTI dan akan dikembalikan kepada pemohon untuk dimatikan setem.

8. SILING DAN TEMPOH PEMBIAYAAN

- 8.1 MOSTI akan membiayai projek berdasarkan **Jadual 1**.

Jadual 1: Siling, Kaedah dan Tempoh Pembiayaan

KATEGORI	KAEDAH PEMBIAYAAN	SILING PEMBIAYAAN (RM)	TEMPOH (BULAN)
Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), Syarikat Pemula	Geran padanan: PKS & Syarikat Pemula: 15% (sumbangan tunai)	TeD: Sehingga RM4,000,000.00	Sehingga 36 bulan
Institut Penyelidikan Kerajaan(GRI), Institusi Pengajian Tinggi (IPT)	Pembiayaan Penuh	SRF & SRF-RFP: Sehingga RM10,000,000.00	

- 8.2 Pembiayaan bagi PKS dan Syarikat Pemula adalah secara **geran padanan**, di mana syarikat perlu membiayai sekurang-kurangnya **15% dalam bentuk tunai** daripada kos keseluruhan projek yang diluluskan berdasarkan Jadual 3: Skop Pembiayaan Untuk Dana **kecuali bagi skop di bawah G08**.
- 8.3 Komitmen daripada industri sebanyak 15% perlu dibelanjakan dalam tahun pertama projek dilaksanakan.

9. KAEDAH DAN PROSES PEMBAYARAN

- 9.1 Proses pembayaran pertama (pendahuluan) kepada Entiti akan disalurkan setelah MOSTI menerima perjanjian yang telah dimatikan setem.
- 9.2 Peratus bayaran pertama (pendahuluan) daripada jumlah pembiayaan yang diluluskan oleh MOSTI adalah **sebanyak 40%** bagi semua kategori penerima termasuk PKS, Syarikat Pemula, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan Institut Penyelidikan Kerajaan (GRI).
- 9.3 Kaedah pembayaran bagi Entiti adalah seperti pada **Jadual 2**.


Jadual 2: Kaedah Penyaluran Pembayaran Projek

KATEGORI	KAEDAH PEMBAYARAN
Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan Syarikat Pemula (<i>start-up</i>)	Rajah 2


KATEGORI	KAEDAH PEMBAYARAN
Institusi Pengajian Tinggi (IPT)	Rajah 3
Institut Penyelidikan Kerajaan (GRI)	

- 9.4 Pembayaran seterusnya adalah secara berperingkat berdasarkan prestasi kemajuan projek dan jadual pembayaran dalam perjanjian. Pihak Kerajaan berhak meminda peruntukan yang telah diluluskan mengikut keperluan semasa.

Rajah 2: Kaedah Pembayaran kepada PKS dan Syarikat Pemula



Rajah 3: Kaedah Pembayaran kepada IPT dan GRI



- 9.5 Dana yang telah disalurkan **tidak boleh** digunakan oleh Entiti bagi maksud selain pelaksanaan penyelidikan dan pembangunan berdasarkan skop projek yang telah diluluskan.
- 9.6 Dana yang tidak dibelanjakan oleh Entiti hendaklah dipulangkan kepada Kerajaan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Notis Tuntutan Baki atau dari tarikh Notis Penamatan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

10. HASIL PENYELIDIKAN

- 10.1 Hasil penyelidikan projek hendaklah:
- 10.1.1 hasil yang nyata (tangible), dapat diukur, atau produk tertentu yang dihasilkan dari pelaksanaan projek; dan
 - 10.1.2 berkaitan dengan objektif projek dengan memberikan kaedah yang tepat untuk mengesan/mengukur kejayaan projek.
- 10.2 Bagi projek di bawah SRF-RFP, projek juga perlu memenuhi jangkaan hasil projek yang telah ditetapkan dalam dokumen RFP.

10.3 Projek di bawah dana hendaklah menghasilkan:

10.3.1 Projek disasarkan mencapai **sekurang-kurangnya TRL 7** pada akhir tempoh pembiayaan.

10.3.2 Sekurang-kurangnya satu (1) *minimum viable product* (MVP) atau satu (1) prototaip berfungsi.

10.3.3 Sekurang-kurangnya satu (1) pendaftaran harta intelek yang memenuhi objektif projek yang diluluskan.

10.3.4 Sekurang-kurangnya dua (2) orang modal insan yang dilatih.

10.3.5 Infografik/ video dalam Laporan Akhir Projek (EOP).

10.4 Entiti perlu bersedia untuk menyerahkan satu (1) sampel prototaip produk pada akhir projek tertakluk kepada keperluan MOSTI.

11.SKOP PEMBIAYAAN

11.1 Skop Pembiayaan untuk dana adalah seperti di **Jadual 3** berikut:

Jadual 3: Skop Pembiayaan Untuk Dana

SKOP	ITEM DIBIAYA	ITEM TIDAK DIBIAYA	NOTA
G01: Loji Perintis/ prototaip	- Pembelian peralatan dan infrastruktur sokongan yang berkait langsung dengan loji perintis atau prototaip untuk peningkatan (<i>up scale</i>) - Penyewaan atau p embaikan peralatan kecil - Aktiviti kejuruteraan dan reka bentuk (<i>man-hour</i>) tidak termasuk gaji pekerja di bawah seliaan pemohon	- Aset modal seperti tanah, bangunan, kenderaan dan perabot - Penyewaan ruang, tanah, bangunan - Alat makmal - Penyelenggaraan peralatan - Komputer peribadi, komputer riba, pencetak, pengimbas, toner, dll.	Tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan pembiayaan yang diluluskan

SKOP	ITEM DIBIAYA	ITEM TIDAK DIBIAYA	NOTA
G02: Ujian pra-klinikal / ujian klinikal / ujian bukan klinikal / ujian lapangan / ujian tekanan / ujian penerimaan pengguna	• Ujian saringan • Ujian sampel • Bayaran untuk sukarelawan / individu • Analisis data (<i>man-hour</i>) - 20% daripada jumlah pembiayaan yang diluluskan yang diluluskan tidak termasuk gaji pekerja di bawah seliaan pemohon	• Kos <i>overhead</i> (bil utiliti dsb.) • Sewaan kemudahan	
G03: Harta Intelek (IP)	• Untuk pendaftaran di Malaysia sahaja, termasuk perkhidmatan penggubalan • IP yang dihasilkan daripada projek yang terdiri daripada i) Paten ii) Rekabentuk Perindustrian • Insentif Paten (dinyatakan dalam permohonan)	• Penyelenggaraan • Perjanjian Kerjasama Paten (PCT)	
G04: Kajian dan penilaian pasaran	• Kos Pembangunan sampel pasaran • Analisis data (<i>man-hour</i>), tidak termasuk gaji pekerja di bawah seliaan pemohon • Pengesahan kajian pasaran. • Pembayaran untuk pembanci (caj / sampel)	• Insentif untuk responden • Bayaran kemudahan sewa dan pameran	• Tidak melebihi 10% daripada jumlah keseluruhan pembiayaan yang diluluskan. • Saiz sampel hendaklah mengikut standard statistik
G05: Pematuhan peraturan dan piawaian	• Pendaftaran pensijilan • Pematuhan standard (tempatan / antarabangsa) • Ujian produk untuk pensijilan • GMP, HALAL & HACCP	• Latihan	

SKOP	ITEM DIBIAYA	ITEM TIDAK DIBIAYA	NOTA
G06: Perkhidmatan ikhtisas dan khas	- Konsultasi (perjanjian / surat niat mesti diserahkan bersama dengan cadangan projek, perincian konsultasi yang akan dinyatakan) - Perkhidmatan perunding untuk kajian dan penilaian pasaran	<i>Production out-sourcing</i> - Perjalanan dan pengangkutan - Pengaturan urusan mesyuarat - Langganan jurnal - Bayaran persidangan	- Tidak melebihi 20% daripada jumlah keseluruhan pembiayaan yang diluluskan - Syarikat yang memohon peruntukan untuk perkhidmatan khas (perunding untuk kajian dan penilaian pasaran di G04) tidak layak untuk memohon peruntukan di bawah skop kajian dan penilaian pasaran
G07: Bahan mentah / bahan guna habis yang berkaitan langsung dengan projek	- Bahan mentah - Bahan guna habis (<i>consumable</i>)	- Bahan pakai buang (<i>disposable</i>) - Reka bentuk produk dan pembungkusan - Brosur - Iklan - Reka bentuk dan pembangunan laman web - Pelancaran produk - Alat tulis seperti kertas, buku, dll	Tidak melebihi 20% daripada jumlah keseluruhan pembiayaan yang diluluskan
G08: Pentadbiran	<u>Pemohon daripada IPT dan kolaborator IPT sahaja</u> - Melantik maksimum tiga (3) orang <i>Graduate Research Assistant</i> (GRA) atau <i>Research Officer</i> (RO) yang terlibat secara langsung dalam projek ini. - Pelantikan RO hanya akan dibenarkan sekiranya pelantikan GRA tidak dapat dilaksanakan. - Kadar elaun adalah seperti berikut: <u>GRA</u> adalah mengikut kelayakan akademik iaitu:	- Yuran pengurusan - Elaun / bonus untuk kakitangan pengurusan dan teknikal - Kos penginapan - Elaun makan - Penyewaan pejabat - Utiliti seperti telefon, jalur lebar, bil air dan elektrik	Definisi RO: - Individu yang dilantik untuk membantu melaksanakan aktiviti penyelidikan - Hendaklah mempunyai kelayakan akademik bersesuaian dengan projek R&D yang dilaksanakan; dan - Bukan berstatus pekerja di organisasi pemohon.

SKOP	ITEM DIBIAYA	ITEM TIDAK DIBIAYA	NOTA
	▪ RM3,200 bagi GRA-pelajar PhD ▪ RM3,000 bagi GRA-pelajar Sarjana. *Elaun ini termasuk potongan untuk PERKESO / KWSP RO adalah mengikut kelayakan akademik iaitu: ▪ RM3,200 bagi pemegang Ijazah Sarjana/ Ijazah Kedoktoran yang berkaitan dengan skop projek ▪ RM3,000 bagi pemegang Ijazah Sarjana Muda yang berkaitan dengan skop projek. *Elaun ini termasuk potongan untuk PERKESO / KWSP.		
	<u>Pemohon daripada GRI, Syarikat Pemula dan PKS</u> ● Melantik <i>Research Officer</i> (RO) yang terlibat secara langsung dalam projek ini. ● Kadar elaun RO adalah mengikut kelayakan akademik seperti berikut: a) Mempunyai Ijazah Sarjana Muda yang berkaitan skop projek dan kadar elaun adalah sebanyak RM3,000. b) Mempunyai Ijazah Sarjana / Ijazah		Definisi RO: i. Individu yang dilantik untuk membantu melaksanakan aktiviti penyelidikan; ii. Hendaklah mempunyai kelayakan akademik bersesuaian dengan projek R&D yang dilaksanakan; dan iii. Bukan berstatus pekerja di organisasi pemohon.

SKOP	ITEM DIBIAYA	ITEM TIDAK DIBIAYA	NOTA
	Kedoktoran yang berkaitan dengan skop projek dan kadar elaun adalah sebanyak RM3,200. Elaun ini termasuk potongan untuk PERKESO / KWSP		
	<u>Perbelanjaan Perjalanan dan Pengangkutan Berkaitan Projek</u> - Perbelanjaan perjalanan dan pengangkutan untuk perjalanan domestik sahaja yang berkaitan langsung dengan projek. - Perjalanan terhadap kepada kelas ekonomi menggunakan laluan langsung terpendek oleh pembekal perkhidmatan penerbangan kecuali dalam keadaan yang mendesak.		Tidak melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan pembiayaan yang diluluskan
G09: Perolehan Teknologi / IP	- Perlu menyediakan dokumen perjanjian perolehan / perincian teknologi & IP yang diperoleh - Perolehan teknologi / IP daripada luar (dalam dan luar negara) - Berpotensi untuk dinaik taraf - Latihan berkaitan pemindahan teknologi dibuat di dalam negara		Tidak melebihi 50% daripada jumlah keseluruhan pembiayaan yang diluluskan

11.2 Sumbangan industri sebanyak **15% dalam bentuk tunai** adalah tertakluk kepada skop pembiayaan MOSTI seperti di Jadual 3: Skop Pembiayaan Untuk Dana **kecuali** bagi skop di bawah G08.

- 11.3 Entiti dibenarkan untuk menyalurkan peruntukan kepada kolaborator bagi item seperti yang dinyatakan dalam **Jadual 4**.

Jadual 4: Skop Pembiayaan Untuk Penyaluran Kepada Kolaborator

SKOP	NOTA
G01 - Loji Perintis / Prototaip	Sehingga 20% daripada jumlah keseluruhan pembiayaan yang diluluskan
G02 - Ujian pra-klinikal / ujian klinikal / ujian lapangan / ujian bukan klinikal / ujian tekanan / ujian penerimaan pengguna	
G06 - Perkhidmatan Ikhtisas dan Khas	
G07- Bahan mentah / bahan guna habis yang berkaitan langsung dengan projek	
G09 - Teknologi/Perolehan IP *Nota: IP baharu (Foreground IP) perlu dihasilkan daripada teknologi/IP yang diperolehi daripada pembiayaan ini dan dimiliki oleh entiti Malaysia	
G08 - Pentadbiran: Pelantikan <i>Graduate Research Assistant</i> (GRA) / <i>Research Officer</i> (RO)	Tertakluk kepada kos yang diluluskan oleh MOSTI

- 11.4 Prosedur pembelian peralatan dan perkhidmatan:

- 11.4.1 Entiti hendaklah **mengemukakan dokumen sebut harga** atau bukti kukuh mengenai sebarang pembelian atau perolehan perkhidmatan seperti khidmat perundingan;
- 11.4.2 Pembelian peralatan atau perolehan perkhidmatan yang berharga **melebihi RM100,000.00 disertakan dengan 3 atau lebih sebut harga** dengan bukti yang kukuh. Kaedah 'pecah kecil' pembelian peralatan atau perolehan perkhidmatan adalah tidak dibenarkan;
- 11.4.3 Semua transaksi kewangan mesti dibuat dengan teratur serta dilampirkan bersama semua dokumentasi perbelanjaan termasuk (invois, pesanan pembelian (PO), pesanan penghantaran (DO), penerimaan, dan lain-lain);

- 11.4.4 Pembelian peralatan atau perolehan perkhidmatan daripada **syarikat/ institusi, anak syarikat atau syarikat bersekutu dan kolaborator** adalah tidak dibenarkan;
- 11.4.5 Pesanan/ sebut harga pembelian yang dikemukakan mestilah berdasarkan pada harga pasaran semasa. **Penambahan harga dari harga asal adalah tidak dibenarkan**; dan
- 11.4.6 Entiti **tidak boleh mempunyai konflik berkepentingan** dengan pembekal bahan penyelidikan, peralatan dan perkhidmatan untuk projek tersebut.

12. PEMANTAUAN PROJEK

12.1 Keperluan Pelaporan Berkala

- 12.1.1 Entiti dikehendaki mengemukakan laporan berkala bagi setiap *milestone* berdasarkan pencapaian kemajuan projek, merangkumi laporan teknikal dan laporan kewangan teraudit, serta dokumen seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian.
- 12.1.2 Laporan pencapaian carta perbatuan (*milestone*) hendaklah dikemukakan **selewat-lewatnya tujuh (7) hari bekerja** dari tarikh pencapaian carta perbatuan (*milestone*).
- 12.1.3 Laporan Kewangan Telah Diaudit hendaklah disemak dan disahkan oleh Akauntan Bertauliah luar yang dilantik oleh Entiti bagi pemohon **selain** IPT/GRI.
- 12.1.4 Bagi pemohon dari IPT/GRI, laporan kewangan hendaklah disemak oleh Bendahari IPT/GRI sebelum dikemukakan kepada MOSTI.
- 12.1.5 Sebarang urusan berkaitan projek bagi IPT/GRI hendaklah melalui Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) masing-masing.

12.2 Mekanisme Pemantauan oleh MOSTI

- 12.2.1 Aktiviti pemantauan projek merangkumi mesyuarat pemantauan dan lawatan tapak bagi menilai pencapaian kemajuan dan kewangan projek.

- 12.2.2 MOSTI berhak untuk menangguhkan seterusnya menamatkan projek sekiranya menunjukkan ketidakpatuhan terhadap perjanjian (Dibaca bersekali dengan Klausa 17).

12.3 Pembayaran

- 12.3.1 Pembayaran akan dibuat berdasarkan prestasi pencapaian kemajuan projek dan dokumen lengkap seperti yang ditetapkan dalam terma dan syarat Perjanjian Projek.
- 12.3.2 Sebarang perbelanjaan yang dibuat sebelum perjanjian berkuatkuasa atau di luar tempoh perjanjian:
- i. Tidak boleh dituntut; dan
 - ii. Tidak dianggap sebagai sebahagian daripada kos projek.

12.4 Laporan Akhir Projek dan Penyempurnaan Projek

- 12.4.1 Entiti dikehendaki mengemukakan Laporan Akhir Projek (*End of Project - EOP*) kepada MOSTI dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tamat projek.
- 12.4.2 Surat Penyempurnaan Projek akan dikeluarkan setelah EOP disahkan oleh MOSTI.
- 12.4.3 Semua hasil projek hendaklah meletakkan nama MOSTI sebagai penyumbang dana.
- 12.4.4 Laporan Akhir Projek hendaklah mengandungi:
- i. *Deliverables* dan hasil akhir projek;
 - ii. Pencapaian objektif projek;
 - iii. Perancangan pengkomersialan / pemindahan teknologi;
 - iv. Faedah projek;
 - v. Impak projek kepada nasional;
 - vi. Senarai peralatan yang dibeli; dan
 - vii. TRL akhir projek.

12.5 Perubahan / Variasi Projek

- 12.5.1 Sebarang perubahan kepada **skop, jadual atau pelaksanaan projek** adalah tertakluk kepada syarat berikut:

i. Kelulusan Bertulis

- a. Semua perubahan hanya boleh dilaksanakan selepas mendapat **kelulusan bertulis MOSTI**; dan
- b. Permohonan rasmi hendaklah dikemukakan **sekurang-kurangnya satu (1) bulan** sebelum tarikh perubahan dicadangkan berkuat kuasa.

ii. Saluran Permohonan

Bagi **IPT dan GRI**, semua permohonan perubahan hendaklah dikemukakan melalui **Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)** masing-masing.

iii. Had Permohonan

- a. Sekiranya terdapat keperluan perubahan yang melibatkan **pelanjutan tempoh projek** atau **pindahan peruntukan (*virement*)**, pindaan ini hanya dibenarkan **satu (1) kali sahaja** bagi setiap permohonan sepanjang tempoh perjanjian.
- b. Tempoh pelanjutan maksimum adalah **tidak melebihi enam (6) bulan**.

12.6 Penutupan Kewangan Projek

12.6.1 Entiti hendaklah memastikan semua **perbelanjaan projek dan dokumen kewangan diselesaikan sebelum Tarikh Tamat Perjanjian**.

12.6.2 MOSTI berhak untuk **tidak membayar** sebarang perbelanjaan:

- i. dibuat di luar tempoh perjanjian; dan
- ii. berada di luar skop perjanjian.

13. HAK MOSTI SELEPAS PROJEK TAMAT

13.1 Walaupun projek telah selesai, MOSTI berhak untuk:

- 13.1.1 Mendapatkan maklumat berkala mengenai kemajuan projek;
- 13.1.2 Menjemput Entiti bagi penyampaian seminar;
- 13.1.3 Menjemput Entiti untuk mengadakan pameran; atau
- 13.1.4 Mengadakan lawatan ke lokasi projek.

14. PEMILIKAN DAN PENGGUNAAN PERALATAN R&D

- 14.1 Semua peralatan yang dibeli di bawah skim dana, hendaklah direkodkan dan ditanda dengan nombor projek bagi tujuan pemantauan dan pengesahan.
- 14.2 Peralatan tersebut adalah milik Entiti dan Entiti hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya termasuk penyelenggaraan setelah projek selesai dan memastikan peralatan disimpan dengan baik.
- 14.3 Walau bagaimanapun, peralatan tersebut bukan untuk penggunaan Entiti semata-mata, dan perlu bersedia untuk digunakan oleh organisasi penyelidikan lain apabila diperlukan. Tiada caj boleh dikenakan kepada pihak lain yang ingin menggunakan peralatan tersebut sepanjang tempoh projek.
- 14.4 Pemohon hendaklah memaparkan papan tanda/*signage* projek. Papan tanda/*signage* tersebut perlu mengandungi maklumat berikut:
 - 14.4.1 Logo Kementerian
 - 14.4.2 Entiti
 - 14.4.3 No Rujukan Projek
 - 14.4.4 Tajuk projek
- 14.5 Peralatan yang dibeli perlu direkodkan dalam sistem repositori Kerajaan iaitu *National Scientific Facilities & Equipment (NSFE)* dan dikemaskini maklumat peralatan sehingga Tarikh Tamat Perjanjian bagi tujuan rekod sahaja.

- 14.6 Peralatan yang dibeli menggunakan dana ini tidak boleh dijual atau dipindahkan dalam masa dua (2) tahun setelah tamat perjanjian.

15. HARTA INTELEK (IP)

- 15.1 Produk akhir yang dibangunkan di bawah dana, hendaklah didaftarkan di bawah undang-undang dan pemilikan Harta Intelekt.
- 15.2 Entiti hendaklah memaklumkan Kerajaan secara bertulis melalui surat rasmi atau e-mel, tentang kewujudan Harta Intelekt Projek tidak lewat dari enam puluh (60) hari dari Tarikh Penyempurnaan Projek.
- 15.3 Semua Harta Intelekt yang terhasil daripada Projek hendaklah didaftarkan dan diletak hak sepenuhnya kepada Kerajaan, bebas daripada sebarang lien, tuntutan atau bebanan. Bagaimanapun, Harta Intelekt yang boleh dipatenkan (*patentable invention*) adalah kepunyaan Entiti. Entiti hendaklah memastikan pemilikan hak Harta Intelekt tidak bercanggah dengan mana-mana undang-undang, akta atau ordinan negeri.
- 15.4 Entiti boleh memohon daripada Kerajaan untuk mendapatkan hakmilik Harta Intelekt Projek di mana Kerajaan mempunyai budi bicara sepenuhnya untuk mempertimbangkan permohonan daripada Entiti.
- 15.5 Entiti hendaklah mendapatkan kelulusan Kerajaan sebelum meneruskan sebarang aktiviti pelesenan dan pengkomersialan sebelum Tarikh Tamat Perjanjian.
- 15.6 MOSTI berhak untuk mengambil semula Harta Intelekt yang telah diperolehi sekiranya didapati Entiti gagal membangunkan atau meningkatkan teknologi yang dibangunkan sebelum ini selepas 12 bulan hingga 24 bulan daripada Tarikh Penyempurnaan Projek. Ini bagi memastikan teknologi serta produk yang dibangunkan mencapai ke arah pengkomersialan.

16. INSENTIF PATEN

- 16.1 Permohonan insentif berikut boleh dibuat setelah projek selesai, dengan syarat peruntukan bagi insentif telah dinyatakan dalam permohonan dana:
- 16.1.1 Insentif untuk pendedahan ciptaan paten projek: RM500.00;
- 16.1.2 Insentif untuk pemfailan paten projek: RM5,000.00; dan

- 16.1.3 Insentif untuk pemberian paten projek: RM10,000.00.
- 16.2 Pembayaran insentif ini dibuat secara *one-off*.
- 16.3 MOSTI akan menyalurkan pembayaran bagi:
 - 16.3.1 Insentif untuk pendedahan ciptaan paten projek apabila menerima bukti pendedahan Harta Intelek Projek;
 - 16.3.2 Insentif untuk memfailkan paten projek apabila menerima bukti pemfailan paten projek; dan
 - 16.3.3 Insentif pemberian hak milik paten projek apabila menerima bukti paten.

17. PENAMATAN

- 17.1 MOSTI berhak menarik balik dana sekiranya berlaku perkara berikut:
 - 17.1.1 Sebarang maklumat/dokumen palsu yang diberikan oleh pemohon dan Entiti;
 - 17.1.2 Perubahan skop projek tanpa persetujuan bertulis daripada MOSTI;
 - 17.1.3 Perubahan Ketua Projek tanpa kebenaran bertulis daripada MOSTI;
 - 17.1.4 Pencapaian/ kemajuan tidak seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian;
 - 17.1.5 Sebarang penyalahgunaan dana; dan
 - 17.1.6 Sebarang pelanggaran dalam Perjanjian yang telah dimuktamadkan.
- 17.2 MOSTI berhak untuk menamatkan projek yang didapati gagal dalam pelaksanaan dan tanggungjawab dalam perjanjian projek. Entiti hendaklah membayar balik jumlah dana yang telah disalurkan serta menyerahkan semua dokumen, peralatan, barang-barang, perisian, data, lukisan atau bahan-bahan lain yang diperoleh daripada Kerajaan.

- 17.3 MOSTI berhak, pada bila-bila masa, untuk mengkaji, menggantung atau menarik balik kelulusan apa-apa dana atau pembayaran sekiranya langkah-langkah tersebut dianggap perlu; dan
- 17.4 MOSTI berhak untuk membuat tuntutan terhadap Entiti atas segala kerugian yang timbul akibat sebarang kegagalan pihak Entiti seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian.

18. PENYATA PERBELANJAAN DAN DANA YANG TIDAK DIBELANJAKAN

- 18.1 MOSTI berhak meminta Entiti untuk menyerahkan penyata perbelanjaan pada bila-bila masa semasa tempoh projek atau untuk memberikan maklumat tambahan bagi menyokong perbelanjaan interim atau akhir.
- 18.2 Entiti hendaklah mengembalikan jumlah dana yang tidak dibelanjakan kepada MOSTI dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh Notis Tuntutan Baki atau dari tarikh Notis Penamatan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

19. MALAYSIAN CODE OF RESPONSIBLE CONDUCT IN RESEARCH

Semua yang terlibat dalam pelaksanaan projek perlu mematuhi tatacara dan amalan yang termaktub dalam *Malaysian Code of Responsible Conduct in Research*. Dokumen *Malaysian Code of Responsible Conduct in Research* boleh dirujuk di pautan berikut:

<https://www.akademisains.gov.my/the-malaysian-code-of-responsible-conduct-in-research-2nd-edition/>

20. KELULUSAN ETIKA, PEMAKLUMAN DAN PEMATUHAN KEPADA PERATURAN - PERATURAN YANG BERKAITAN

- 20.1 Ketua Projek hendaklah mendapatkan kelulusan dan memberikan salinan daripada pihak berkuasa yang berkaitan jika diperlukan seperti Kelulusan Jawatankuasa Keinstitusian Biokeselamatan (IBC) dan *Environmental Impact Assessment (EIA)*.
- 20.2 Bagi projek yang memerlukan ujian terhadap manusia atau haiwan, Ketua Projek hendaklah mendapatkan kelulusan etika (*ethical clearance*) dan mengemukakan salinan daripada pihak berkuasa yang berkaitan.

- 20.3 Bagi projek yang melibatkan organisma hidup terubah suai (*living modified organisms* - LMOs), Ketua Projek hendaklah mendapatkan kelulusan oleh Jawatankuasa Keinstitusian Biokeselamatan berkaitan dan mengemukakan salinan permohonan untuk kelulusan Lembaga Biokeselamatan Negara.

21. PEMBIAYAAN LAIN OLEH AGENSI PEMBIAYA MOSTI

MOSTI juga menawarkan pelbagai bentuk program pembiayaan/ pelaburan seperti di **Lampiran 5**.

TAHAP KESEDIAAN TEKNOLOGI

Lampiran 1

TAHAP TRL	PENERANGAN	CIRI-CIRI
TRL 1	<i>Basic Principle</i>	• <i>Technology research</i> • <i>Pure science begins translation to R&D</i>
TRL 2	<i>Formulation of Concept</i>	• <i>Early studies for application formulation</i> • <i>Invention and Practical Application Begins</i>
TRL 3	<i>Experimental Proof of Concept</i>	• <i>Analytical validation and proof of concept</i> • <i>Start active research and development</i>
TRL 4	<i>Lab validation</i>	• <i>Validation in laboratory environment</i> • <i>Ready to begin bridge for technology transition</i>
TRL 5	<i>Validation in real environment</i>	• <i>Validation in relevant environment</i> • <i>Ready to enter technology development</i>
TRL 6	<i>Demonstration in real environment</i>	• <i>Demonstrated in relevant environment</i> • <i>Ready to enter system development</i>
TRL 7	<i>Demonstration of prototype</i>	• <i>Demonstrated in operational environment</i> • <i>Ready for limited production decision</i>
TRL 8	<i>Product/System complete and qualified</i>	• <i>Compliant, qualified and test/demo complete</i> • <i>Ready for operational evaluation</i>
TRL 9	<i>Product/System proven</i>	• <i>Completed operational evaluation</i> • <i>Ready for full-rate</i>

Lampiran 2

BIDANG KEUTAMAAN DANA

PEMACU SOSIOEKONOMI	BIDANG KEUTAMAAN
Teknologi dan Sistem Pintar (Kejuruteraan dan Pembuatan Generasi Baharu)	• Bahan Termaju untuk Ekonomi Kitaran dan Masyarakat Lestari • Kilang Pintar Generasi Baharu • Pembuatan Peranti Pintar dan Pembangunan Teknologi
Perubatan dan Penjagaan Kesihatan	• Kesihatan Digital • Perubatan Jitu • Hab Ujian Klinikal bagi Negara Membangun
Pertanian dan Perhutanan;	• Makanan Laut Nilai Tinggi • Makanan Halal Premium • Input Pertanian Tempatan • Pengurusan Rantaian Bekalan Pintar untuk Kelestarian Produk Hutan
Air dan Makanan	• Buah-buahan Tropika Premium • Makanan Unggul (“Superfood”) Tempatan • Pengurusan Bersepadu Sumber Air
Bandar Pintar dan Pengangkutan	• Pengurusan Bersepadu Infrastruktur dan Infostruktur Bandar • Sistem Pintar untuk Komuniti Bandar – Luar Bandar Terhubung • Reka Bentuk dan Analisis Berpaksikan Manusia

PEMACU SOSIOEKONOMI	BIDANG KEUTAMAAN
Tenaga	• Kepelbagaian Tenaga Boleh Diperbaharui • Sistem Penyimpanan Tenaga • Grid Mikro
Alam Sekitar dan Biodiversiti;	• Biodiversiti • Produk Eko-Inovatif daripada Bahan Buangan
Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan;	• Model Perniagaan Langganan dan Platform Perkongsian • Perkhidmatan Berdigital dan Berautonomi • Teknologi Kewangan dan Kewangan Islam
Pendidikan	• Pembelajaran Berasaskan Pengalaman dan Penyesuaian Peribadi • Pensijilan Mikro • Pembelajaran Dalam Talian Global: Mempromosikan Kandungan Tempatan
Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan	• Kandungan Kreatif dan Warisan • Pelancongan Digital • Pelancongan Nilai Tinggi

Lampiran 3

SENARAI DOKUMEN SOKONGAN PKS & STARTUP

Syarikat Pemula / PKS		Jenis Dokumen	Mod Penghantaran	Pemohon	Rakan kerjasama (jika berkenaan)
1.	Akuan Berkanun	Salinan digital dan Salinan bercetak	Muat naik sistem SDB dan dikemukakan semasa Sesi Penilaian	√	
2.	Resume ahli projek dan rakan kerjasama	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	√
3.	Perjanjian kontrak/ Surat Setuju Terima (LoA) atau setara antara Entiti dan Kolaborator (jika berkaitan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
4.	Perjanjian kontrak/ Surat Setuju Terima (LoA) antara Entiti dan Perunding (jika berkaitan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
5.	Carian Insolvensi (syarikat dan ahli projek)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	√
6.	Kelulusan etika/ Kelulusan atau pemakluman IBC (jika berkaitan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
7.	Satu sebut harga bagi setiap peralatan dan perkhidmatan yang disenaraikan untuk dibeli	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
8.	Surat kebenaran daripada ketua jabatan untuk menjadi ahli projek (jika berkaitan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB		√
9.	Carian SSM Terkini (Maklumat Korporat daripada Portal MyDATA)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	√
10.	Permit bekerja bagi ahli projek bukan warganegara/ surat pelantikan	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	√
11.	Laporan Kewangan Teraudit Terkini (perolehan tahunan, penyata keuntungan dan kerugian, aliran tunai dan lain-lain)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	√
12.	Borang Pengesahan Ketua Projek	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
13.	Perjanjian Pemindahan Teknologi/ harta intelek (jika berkaitan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	

Syarikat Pemula / PKS		Jenis Dokumen	Mod Penghantaran	Pemohon	Rakan kerjasama (jika berkenaan)
14.	Penyata KWSP Syarikat (jika berkaitan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
16.	Kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan atau pihak berautoriti (sekiranya perlu)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
17.	Bukti prior art search (contoh: Lens.org)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
18.	Dokumen Pembuktian Konsep (<i>Proof of Concept - POC</i>) atau Prototaip Berfungsi (<i>Working Prototype - WP</i>)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
19.	Video demonstrasi Prototaip Berfungsi (<i>Working Prototype - WP</i>)	Link	Sediakan link di ruang yang disediakan	√	

Lampiran 3

SENARAI DOKUMEN SOKONGAN IPT & GRI

Institut Penyelidikan Kerajaan/ Institut Pengajian Tinggi		Jenis Dokumen	Mod Penghantaran	Pemohon	Rakan kerjasama (jika berkenaan)
1.	Akuan Berkanun	Salinan digital dan Salinan bercetak	Muat naik sistem SDB dan dikemukakan semasa Sesi Penilaian	√	
2.	Borang Pengesahan Ketua Projek	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
3.	<i>Resume</i> ahli projek dan rakan kerjasama	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	√
4.	Perjanjian kontrak/ Surat Setuju Terima (LoA) atau setara antara Entiti dan Kolaborator (jika berkaitan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
5.	Surat kebenaran daripada ketua jabatan untuk menjadi ahli projek (jika berkaitan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
6.	Perjanjian kontrak/ Surat penerimaan antara pemohon dan perunding (jika berkaitan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
7.	Perjanjian Pemindahan Teknologi/ harta intelek (jika berkaitan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
8.	Carian Insolvensi (jika berkaitan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	√
9.	Kelulusan etika/ Kelulusan atau pemakluman IBC (jika berkaitan)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
10.	Satu sebut harga bagi setiap peralatan dan perkhidmatan yang disenaraikan untuk dibeli	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
11.	Kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan atau pihak berautoriti (sekiranya perlu)	Salinan digital	Muat naik e sistem SDB	√	
12.	Bukti prior art search (contoh: Lens.org)	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	
13.	Dokumen Pembuktian Konsep (<i>Proof of Concept - POC</i>) atau	Salinan digital	Muat naik sistem SDB	√	

Institut Penyelidikan Kerajaan/ Institut Pengajian Tinggi		Jenis Dokumen	Mod Penghantaran	Pemohon	Rakan kerjasama (jika berkenaan)
	Prototaip Berfungsi (<i>Working Prototype - WP</i>)				
14.	Video demonstrasi Prototaip Berfungsi (<i>Working Prototype - WP</i>)	Link	Sediakan link di ruang yang disediakan	√	

Lampiran 4

Kriteria Pemarkahan Bagi Projek Yang Mempunyai Elemen ESG Secara Langsung

Kriteria Pemarkahan			
Teknikal	Komersial	Kewangan dan Ekonomi	ESG
1. Pembuktian konsep/prototaip yang berfungsi/prototaip yang sedia untuk dikomersialkan 2. Keunikan/ Inovasi/Daya Cipta Teknologi/ <i>Disruptive/ Game Changer</i> 3. Jangkaan hasil: · Kebolehlaksanaan mengikut objektif projek · Kesesuaian metodologi 4. Berskala mengikut potensi/Kemampuan pembuatan (Tenaga kerja, Bahan, Kaedah Peralatan) 5. Pematuhan standard dan pengawalseliaan	1. Kelebihan persaingan 2. Permintaan dan potensi pasaran (keperluan, saiz, pertumbuhan, sasaran, <i>niche, penetration</i>) 3. Kesesuaian masa untuk dipasarkan 4. Kelestarian 5. <i>Diffusion</i> (teknologi yang dicadangkan bersesuaian dengan situasi semasa) 6. Kos efektif 7. Strategi pasaran/model perniagaan (rangkaian dan perancangan) 8. Pematuhan standard dan pensijilan (jika berkaitan)	1. Berpotensi menjana pulangan pelaburan (ROI) 2. Kelestarian Kewangan 3. Sedia untuk dipasarkan 4. Pengurangan kos 5. Potensi eksport 6. Meningkatkan produktiviti dan kualiti produk/ perkhidmatan 7. Nilai terhadap wang	ALAM SEKITAR 1. Konservasi Alam Sekitar 2. Penggunaan sumber yang optimum 3. Pengurangan carbon footprint pelepasan CO2 4. Menyokong <i>circular economy</i> 5. Mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling (jika berkaitan) SOSIAL 1. Impak kepada komuniti 2. Mewujudkan pekerja mahir dan berpengetahuan 3. Penyelesaian kepada permasalahan 4. Peningkatan taraf hidup 5. Penglibatan dengan komuniti TADBIR URUS 1. Struktur tadbir urus projek 2. Pengalaman ketua dan ahli pasukan projek 3. Jaringan kolaborasi 4. Pengurusan risiko 5. Pengurusan kualiti

Lampiran 4

Kriteria Pemarkahan Bagi Projek Yang Mempunyai Elemen ESG Secara Tidak Langsung

Kriteria Pemarkahan			
Teknikal	Komersial	Kewangan dan Pengurusan	Impak (Sosial, Ekonomi dan Alam Sekitar)
- Pembuktian konsep/prototaip yang berfungsi/prototaip yang sedia untuk dikomersialkan - Keunikan/ Inovasi/Daya Cipta Teknologi/ Disruptive/ Game Changer - Jangkaan hasil: - Kebolehlaksanaan mengikut objektif projek - Kesesuaian metodologi - Berskala mengikut potensi/Kemampuan pembuatan (Tenaga kerja, Bahan, Kaedah Peralatan) - Pematuhan standard dan pengawalseliaan	- Kelebihan persaingan - Permintaan dan potensi pasaran (keperluan, saiz, pertumbuhan, sasaran, <i>nic</i>, <i>penetration</i>) - Kesesuaian masa untuk dipasarkan - Kelestarian - Diffusion (teknologi yang dicadangkan bersesuaian dengan situasi semasa) - Kos efektif - Strategi pasaran/model perniagaan (rangkaian dan perancangan) - Pematuhan standard dan pensijilan (jika berkaitan)	Kewangan - Berpotensi menjana pulangan pelaburan (ROI) - Kelestarian kewangan - Nilai terhadap kewangan Pengurusan Projek - Kelayakan profesional/pengalaman ketua projek dan ahli pasukan projek - Pengurusan risiko - Kesesuaian <i>milestone</i>	Impak Sosial - Mampu dimiliki oleh masyarakat - Mewujudkan pekerja mahir dan berpengetahuan - Penyelesaian kepada permasalahan (keperluan kepada pengguna, industri dan negara) - Peningkatan taraf hidup - Sumbangan terhadap kesejahteraan masyarakat Impak Ekonomi - Sedia untuk dipasarkan - Pengurangan kos - Berpotensi untuk dieksport - Meningkatkan produktiviti dan kualiti produk/perkhidmatan Impak Alam Sekitar - Kesan terhadap alam sekitar - Pengunaan sumber yang optimum

Lampiran 5

MAKLUMAT AGENSI PEMBIAYA DI BAWAH MOSTI

Bil.	Nama Agensi	Instrumen Pembiayaan	Portal Permohonan	Fungsi
1.	Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV)	Pinjaman	https://www.mdv.com.my	Menawarkan pinjaman konvensional dan teroka (venture debt) kepada syarikat teknologi tempatan. Bidang fokus utama MDV adalah Teknologi Hijau, Bioteknologi, Teknologi Informasi dan Komunikasi (ICT), Tenaga Boleh Baharu dan <i>Emerging Technology</i> .
2.	Kumpulan Modal Perdana (KMP)	Ekuiti	https://www.modalperdana.com	Menyediakan kemudahan pembiayaan modal teroka/pelaburan langsung (ekuiti) dalam bidang Elektrik dan Elektronik (E&E) dan sektor Tenaga Boleh Diperbaharui/Tenaga Hijau kepada syarikat-syarikat startup yang berpotensi dari dalam dan luar negara.
3.	Cradle Fund Sdn Bhd (CRADLE)	Geran	https://www.cradle.com.my	Menyediakan pembiayaan dalam bentuk geran kepada syarikat <i>startup</i> teknologi tempatan di peringkat permulaan (<i>pre-seed</i> dan <i>seed</i>) dalam bidang <i>deep tech</i> dan <i>non-deep tech</i> .
4.	Malaysian Technology Development Corporation (MTDC)	Hibrid (Geran + Pinjaman Boleh Ubah (CPN))	https://www.mtdc.com.my	Menyediakan kemudahan pembiayaan dalam bentuk hibrid yang merangkumi geran dan <i>Convertible Promissory Note (CPN)</i> kepada syarikat startup atau SME berasaskan teknologi.

